

**Bangau Kerbau**  
Cattle Egret

FAMILI: Ardeidae  
NAMA SAINTIFIK: Bubulcus ibis



**CIRI-CIRI**

Bangau ini adalah yang terkecil di antara lain-lain bangau. Ia mempunyai paruh dan leher yang lebih pendek, berbanding burung-burung bangau yang lain. Apabila lehernya dipanjangkan, pangkal leher nampak menebal dan semakin menirus ke arah kepala. Semasa terbang, badannya nampak lebih padat berbanding lain-lain bangau manakala kaki kurang kelihatan menjulur keluar. Pada musim bukan mengawan, warna keseluruhan adalah putih atau dengan sedikit tompok yang berwarna oren kekuningan pada bahagian atas kepala. Paruh pula berwarna kuning, kulit muka berwarna kuning kehijauan dan kaki berwarna hitam. Pada musim mengawan pula, terdapat warna oren kekuningan yang ketara pada bahagian kepala, leher dan belakang badan. Paruh, kulit muka dan kadangkala kaki pula kelihatan merah jambu.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan badan adalah di antara 48-53 sm.

**MAKANAN**

Terdiri daripada ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil, dan anak burung.

**HABITAT**

Kawasan tanah lembap, kawasan pertanian, sehingga ke ketinggian 800 m dari aras laut.

**TABIAT**

Spesies ini biasanya terbang dan mencari makanan di dalam kumpulan. Ia selalu mencari makanan berhampiran kerbau di mana banyak serangga berkeliaran.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah antara bulan April-Julai dengan menghasilkan 3 -5 biji telur.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.